

17/10/2003

Pandangan ikhlas PM perlu diterima

MELAKA: Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata semua pihak terutama veteran Barisan Nasional (BN) perlu menerima pandangan ikhlas Dr Mahathir kerana langkah itu boleh memantapkan kekuatan kerajaan.

Beliau berkata, sudah sampai masanya dan memang wajar muka baru diberi peluang bertanding atau menawarkan diri untuk bertanding dalam pilihan raya umum akan datang.

"Bagaimanapun, saya berpendapat, pandangan PM itu tidak terhad kepada calon BN saja tetapi turut meliputi calon pembangkang. Sebagai contoh, Ahli Parlimen Sik, Datuk Prof Shahnnon Ahmad, yang sering uzur wajar memberi peluang kepada muka baru. Sama juga dengan beberapa pemimpin veteran di Kelantan dan Terengganu yang masih berminat menjadi calon.

"Mereka sepatutnya ikut nasihat dan contoh yang ditunjukkan oleh PM apabila mengumumkan persaraannya akhir bulan ini," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di Seri Negeri, di sini, semalam.